

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni UUM CAS
Sent: Monday, February 12, 2018 3:52 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Massudi bin Mahmuddin
Subject: Dengan lidah, wanita OKU ini promosikan produk keluaran keluarganya di media sosial. Hebat Kak Long!



PEJABAT PEMBANGUNAN PELAJAR DAN ALUMNI
Student Development & Alumni Office
College of Arts and Sciences

Universiti Utara Malaysia

12 FEBRUARI 2018, ISNIN | 26 JAMADILAWAL 1439H

=====

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia

Assalamualaikum & Salam Sejahtera.

Dengan lidah, wanita OKU ini promosikan produk keluaran keluarganya di media sosial. Hebat Kak Long!

PENDANG: Kecacatan tangan dan kaki dialaminya tidak menjadi penghalang kepada seorang wanita berusia 33 tahun di Kampung Gelong Gajah, Tobiar di sini untuk menerokai dunia luar dengan menggunakan perkhidmatan internet.



Nursamawati Mahmud yang melayari internet dengan menggunakan lidah untuk menaip perkataan dan mengakses maklumat pada telefon bimbit dan komputer riba miliknya berhasrat membantu mempromosikan produk kicap, sos dan cuka yang

diusahakan ibunya sejak 10 tahun lepas.

"Saya cuba fikirkan macam mana nak kembangkan perusahaan mak saya ini. Sebelum ini kicap, sos dan cuka yang mak buat dipasarkan di sekitar daerah Pendang dan Pokok Sena sahaja dan kalau boleh saya nak gunakan internet untuk kembangkan perniagaan keluarga," katanya ketika ditemui di rumahnya.

Menurut anak sulung daripada lima beradik itu, dia juga akan mewujudkan blog untuk menceritakan perjalanan hidupnya yang bergelar OKU dan mengalami kecacatan itu sejak berumur setahun dan bagaimana dia belajar menggunakan laman sosial seperti Facebook, WhatsApp, Instagram dan Wechat.



Beliau yang juga dikenali dengan nama Kak Long turut mengakui, "Pada mulanya sukar untuk melakukan semua itu menggunakan lidah, namun lama kelamaan saya sudah boleh membiasakan diri. Saya juga mampu menaip dengan cepat dan memuat naik gambar-gambar kicap dan sos cili untuk menerima tempahan secara online."

Tambah ibunya, Kak Long tidak mendapat pendidikan yang sempurna semenjak kecil namun adik-beradiknya sentiasa meminta pertolongan daripadanya untuk menyiapkan

kerja rumah. Kak Long rajin membaca buku pelajaran adik-adiknya sehingga dia khatam dan faham.



Prihatin dan tertarik dengan kegigihan Nursamawati, Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni UUM CAS telah mengadakan lawatan ke rumah beliau pagi ini bagi menziarahi beliau serta menyampaikan sumbangan. Rombongan ini diketuai oleh Dr Massudi Mahmuddin Dekan PPA UUM CAS, juga diiringi oleh Timbalan Dekan, Penyelaras Praktikum dan juga staf PPA.

"Sumbangan yang kami berikan ini diharap dapat dimanfaatkan untuk melakukan sesuatu bagi menceriakan dan mengubah kehidupannya," kata Dr Massudi.

Selain itu , rombongan sempat melawat tapak perniagaan kecil pembuatan sos dan kicap milik keluarga Kak Long. Bagi menunjukkan sokongan kepada perniagaan ini, rombongan telah memborong kicap dan sos untuk dibawa pulang.



Sesungguhnya wanita bernama Nursamawati Mahmud ini adalah wanita inspirasi kita semua. Ayuh kita doakan agar keluarga Kak Long memperoleh keberkatan dan semoga perniagaan mereka akan terus berkembang maju!

Sekian dan harap maklum.

=====
 Students Development & Alumni Office
 UUM College of Arts & Sciences
 Tel: 049285307 | Faks: 049285310
 Email:cas-sadc@uum.edu.my
 Website:ppacas.uum.edu.my



Students Development & Alumni Office



@ppauumcas

=====



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.